

Headline	TNB terima 8,936 aduan 'Smart Meter'		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	19 Jul 2019	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Nasional	Page No	58
ArticleSize	257 cm ²	Journalist	Fairuz Zaidan dan
PR Value	RM 25,530		



Persidangan Kedua Penggal Kedua, DUN Melaka Ke-14

TNB terima 8,936 aduan 'Smart Meter'

Beri jaminan selesai isu ikut garis panduan, perluas maklumat

Oleh Fairuz Zaidan dan Amir Mamat
bhnews@bh.com.my

Ayer Keroh: Tenaga Nasional Berhad (TNB) Melaka menerima 8,936 aduan pengguna berhubung isu 'Smart Meter' pada Mei dan Jun lalu.

EXCO Kerja Raya, Pengangkutan dan Kemudahan Awam negeri, Datuk Mohd Sofi Abdul Wahab, berkata daripada jumlah itu, 4,932 aduan sudah diselesaikan dalam tempoh berkenaan.

Beliau berkata, daerah Melaka Tengah mencatat jumlah tertinggi, iaitu sebanyak 6,970 aduan sepanjang tempoh Mei hingga Jun; disusuli Jasin (609), Alor Gajah (586), Merlimau



Mohd Sofi Abdul Wahab

(387 aduan) dan Masjid Tanah (384).

"Ketua Menteri, Adly Zahari, sudah memanggil TNB memberikan penjelasan mengenai isu (Smart Meter) pada 10 Mei lalu. TNB memberi jaminan menyelesaikan aduan mengikut garis panduan Akta Bekalan Elektrik 1990 dan Peraturan Elektrik 1994.

"Ia turut dipantau Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim melalui Suruhanjaya Tenaga.

"Hasil perjumpaan itu, TNB sudah mengadakan program Hari Bersama Pelanggan di seluruh pejabat TNB negeri pada 28 hingga 31 Mei lalu. Kita difahamkan kaunter khas aduan

masih dibuka hingga hari ini," katanya.

Mohd Sofi menjawab soalan lisan Seah Shoo Chin (PH-Kesidang) mengenai senarai aduan awam mengenai 'Smart Meter' TNB, termasuk mengikut daerah serta status penyelesaian pada Persidangan Kedua Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka Ke-14 di Seri Negeri, di sini, semalam.

Menjawab soalan tambahan Datuk Seri Idris Haron (BN-Sungai Udang) berhubung 'kepintaran' meter itu sehingga mengundang banyak aduan pula, Mohd Sofi berkata, TNB mengambil maklum pelbagai aduan dibangkitkan pengguna dalam usaha mempertingkatkan mutu perkhidmatan syarikat utiliti elektrik berkenaan.

"TNB akan terus memperluaskan maklumat berhubung penggunaan elektrik secara berhemah. Saya difahamkan jumlah aduan semakin berkurang selepas pengguna mendapat pemahaman lanjut," katanya.